



## SIARAN AKHBAR

### KERJASAMA STRATEGIK SME CORP. MALAYSIA DAN SSM PERTINGKAT KEBERKESANAN PROGRAM TUBE



YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (kiri) dan YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif, SSM (kanan) di Majlis Menandatangani MoU antara SME Corp. Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

**KUALA LUMPUR, 9 Julai 2024** – SME Corp. Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang bakal meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program TUBE bertujuan memupuk semangat keusahawanan dan menggalakkan belia Bumiputera berumur antara 18 hingga 30 tahun menceburi bidang perniagaan.

Melalui MoU ini, impak keberhasilan (*outcome*) Program TUBE dalam melahirkan usahawan baharu serta keberkesanannya dalam meningkatkan tahap daya saing dan daya tahan perniagaan dapat diukur dengan lebih berkesan. Kerjasama strategik ini membolehkan semakin berterusan dibuat terhadap status perniagaan Alumni TUBE

dan merupakan kesinambungan kepada usaha mempermudah pendaftaran perniagaan peserta dalam MoU yang telah dimeterai pada tahun 2017.

Majlis tersebut yang berlangsung di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia, Platinum Sentral, Kuala Lumpur turut mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua organisasi ke arah memudahcara ekosistem dan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif khususnya berkaitan aspek pendaftaran perniagaan. MoU yang ditandatangani oleh YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif, SSM ini juga secara tidak langsung berupaya meningkatkan pendaftaran perniagaan dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan menggalakkan penformalan perniagaan, seterusnya meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi negara.

Mengulas mengenai MoU tersebut, YBrs. Encik Rizal berkata, "SME Corp. Malaysia melihat kerjasama strategik dengan SSM ini penting dalam mengenalpasti impak atau keberkesanan pelaksanaan program TUBE yang telah berjaya melatih seramai 8,543 usahawan belia Bumiputera dengan jumlah geran perniagaan disalurkan berjumlah RM120.96 juta. Selain itu, saya berharap agar skop kerjasama ini dapat dikembangkan meliputi inisiatif lain di bawah SME Corp. Malaysia terutamanya berkaitan pendaftaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui Status PMKS yang merupakan kriteria asas dalam menentukan kelayakan bagi semua program di bawah SME Corp. Malaysia."

Manakala YBhg. Datuk Nor Azimah pula menyatakan, "Kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan SSM diharapkan dapat menerapkan budaya keusahawanan di samping memberi galakan kepada golongan belia Bumiputera menceburi bidang perniagaan. SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merencanakan landskap perniagaan dalam negara antaranya dengan melaksanakan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) dan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P). Menerusi MoU ini, SSM akan memanjangkan inisiatif-inisiatif ini kepada belia Bumiputera yang mengikuti Program TUBE dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Kerjasama strategik ini adalah langkah penting dalam memastikan ekosistem perniagaan di Malaysia berkembang dengan lebih inklusif dan dinamik."

**- TAMAT -**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)

## **MENGENAI SSM**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) merupakan badan berkanun yang terbentuk hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia yang mengawal selia syarikat dan perniagaan. SSM mula beroperasi pada 16 April 2002.

Aktiviti utama SSM adalah sebagai sebuah agensi pemerbadanan syarikat, pendaftaran perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad di samping membekalkan maklumat syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan perniagaan kepada orang awam.

Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM melaksanakan fungsinya mengawalselia pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran perniagaan melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan untuk negara.

SSM bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang berikut:

- Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614);
- Akta Syarikat 2016 (Akta 777);
- Akta Skim Kepentingan 2016 (Akta 778);
- Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197);
- Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743) ;
- Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100); dan
- Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28).

**Encik Farid Ahmad**  
**Pengarah**  
**Bahagian Strategi dan Komunikasi Korporat**  
**03-2299 4929**  
**farid@ssm.com.my**

**Puan T.K. Letchumy Tamboo**  
**Pengurus, Unit Media dan Editorial,**  
**Bahagian Strategi dan Komunikasi Korporat**  
**03-2299 4686**  
**tkletchumy@ssm.com.my**